



**“Kami sudah membuat model projek kediaman bagi 2,000 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi tanah seluas lapan hektar
Dr Mohamad Fakri Zaky**

14-04-2016

setempat

25

A

HARIAN METRO

Rumah **lestari** mesra remaja

Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

■ Gabungan penyelidikan lima universiti masuk fasa akhir

Georgetown

Lima universiti tempatan bergabung ke-
pakan dalam bidang masing-masing untuk mem-
bangunkan penyelidikan mengenai model reka bentuk ruang dan perumahan kos rendah yang lestari dan mesra remaja.

Penyelidikan mengenai ‘Belia Komuniti Terpinggir: Ke Arah Pembangunan Belia Positif’ yang dijalankan sejak tiga tahun lalu kini sudah memasuki fasa terakhir penyelidikan dan dijangka tamat pada hujung tahun ini.

Penyelidik yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Reka-bentuk dan Senibina Univer-
siti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohamad Fakri Zaky Jaafar berkata, universiti terbabit ialah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Universiti Utara Ma-



DR Mohamad Fakri (kiri) bersama pensyarah lain berbincang mengenai inovasi reka bentuk yang dihasilkan, semalam.

FOTO: ZULAIKHA ZAINUZMAN

laysia (UUM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selain UPM dengan geran penyelidikan bernilai RM4.5 juta dibiayai Kementerian Pengajian Tinggi.

Beliau berkata, penyelidikan berkenaan menumpukan kepada pengaruh per-

sekitaran rumah dan ruang yang mempengaruhi pem-
besaran remaja serta sosiali-
sasi.

Katanya, mengambil kira pelbagai bentuk interaksi peribadi, komuniti dan pen-
janaan ekonomi, hasil pen-
yelidikan itu mendapati pe-

nyelesaian masalah ke-
pada reka bentuk sedia ada yang terhad mempengaruhi pembe-
saran remaja.

“Remaja memerlukan ru-
ang privasi yang penting bagi

difahami selain kemudahan beriadah, bersosial dengan rakan sebaya dan mengek-
presi diri serta ia perlu di-
terapkan dalam reka bentuk sesebuah perumahan.

“Kami sudah membuat model projek kediaman bagi 2,000 unit Projek Peruma-
han Rakyat (PPR) bagi tanah seluas lapan hektar bagi me-
nununjukkan kesesuaiannya terhadap remaja yang mem-
punyai kawasan riadah baik.

“Bagi rekaan hiasan da-
laman pula dican-
dangkan penggu-
naan perabot pin-
tar yang diolah bagi ruang dala-
man terhad atau menggunakan konsep tri paksi (traxes) dalam me-
maksimumkan ruang,”
katanya pada sidang media, semalam.

Mohamad Fakri Zaky ber-
kata, pada masa ini, situasi

pasaran perumahan mung-
kin belum dapat menyesuaikan pembangunan peruma-
han dengan kehendak ca-
dangan reka bentuk terba-
bit.

“Mungkin buat masa ini, pemain industri mempunyai banyak kekangan termasuk membabitkan kos, namun diharap pada masa depan kajian ini akan memberi manfaat kepada semua pi-
hak,” katanya.

Kajian penyelidikan itu tu-
rut dijalankan di rumah PPR Lembah Pantai, Kuala Lum-
pur bagi mengenal pasti ma-
salah yang berlaku kepada remaja di situ.

Dianggarkan kira-kira 1.5 juta belia di negara ini ber-
usia antara 15 dan 25 tahun berisiko terdedah dengan pengangguran dan mungkin terjebak dengan gejala sosial berikutan infrastruktur dan persekitaran rumah tidak se-
suaai.

FAKTA
Geran penyelidikan bernilai RM4.5 juta dibiayai Kementerian Pengajian Tinggi